

24/05/1997

Tiada kuota pekerja Bumiputera di MSC

LONDON, Jumaat - Kerajaan tidak mengenakan kuota pengambilan tenaga kerja Bumiputera kepada syarikat yang beroperasi dalam Koridor Raya Multimedia (MSC), kerana Bumiputera mempunyai banyak peluang pekerjaan sehingga mampu melompat dari satu syarikat ke syarikat lain.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata tiada guna kerajaan mengenakan kuota itu jika tiada Bumiputera berkelayakan dan jika ada pun saling bertukar tempat kerja.

Menurutnya, kerajaan telah membentuk dasar bagi manfaat Bumiputera, tetapi ada yang tidak menghiraukannya kerana lebih mengutamakan kepentingan jangka pendek.

"Kita mendapati Bumiputera mempunyai banyak peluang sehingga mereka boleh melompat dari satu syarikat ke satu syarikat lain, asalkan gaji mereka naik.

"Jika ada kuota, tidak bermakna jika tiada orang (Bumiputera). Jika ada orang, dia (Bumiputera) masuk sekejap dan apabila orang memberi tawaran lebih baik, mereka pergi (bekerja di tempat lain).

"Itu bukan tujuan kita (mewujudkan MSC). Kita hendak mereka berada di satu syarikat, sehingga dapat pengetahuan dan pengalaman," katanya dalam sidang akhbar pada hari terakhir lawatan kerja selama lima hari di Britain, di sini, hari ini.

(END)